

# Karnival Pendidikan Bijak Dan Bakat Prasekolah Peringkat W.P. Labuan 2017



Labuan, 5 Oktober – Karnival Pendidikan Bijak Dan Bakat Prasekolah Peringkat W.P. Labuan tahun 2017 telah diadakan pada 2-5 Oktober 2017 dan bertempat di Dewan SK Layang-Layangan. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Tuan Raisin bin Saidin, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapan beliau telah menyatakan bahawa :

*“Prasekolah merupakan asas pendidikan yang paling penting sebelum mereka memulakan pendidikan rendah tahun satu. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Research Organisation Evaluation **OECD (2011)** terdapat kaitan antara pendidikan prasekolah dengan pendapatan*

*isi rumah dan keberhasilan lain yang membawa manfaat sepanjang hayat. Justeru kerana itu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) amat menekankan peningkatan enrolmen dan kualiti prasekolah secara serentak. Ini bagi memastikan murid-murid yang berada di tahun 1 semuanya pernah melalui pendidikan prasekolah sama ada prasekolah yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mahupun diusahakan oleh pihak swasta.”*



Puan Diah Mohd Yussof (kiri) Ketua Unit Prasekolah bergambar kenangan bersama Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Puan Maimoon binti Matnoh

Berikut adalah antara keputusan pertandingan sempena karnival tersebut :

Pemenang Lego:

1. SK Layang Layangan

2.SK Sungai Bedaun

3.SK Bebuloh

Pemenang Hafazan:

Lelaki:

1.SK Pantai

2.SK Membedai

3.SK Bukit Kalam

Perempuan:

1.SK Pekan Satu

2.SK Patau Patau

3.SK Sungai Lada

Keputusan membina perkataan dalam bahasa melayu

1.SK Pekan Dua

2.SK Kerupang

3.SK Lubok Temiang

Pemenang Nyanyian Solo

1. Ayla Syuhada Binti Joe Hellmy (SKK Ranca Ranca)

2 Nur Nashwa Alyaa bt Muhammas Ameran (SK Tanjung Aru)

3. Nurfasha arianna bt abu bakar (SK Pantai)

